

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

# 23 AL-QURAN DAN SUNNAH MEMBENTUK KEPERIBADIAN MAR DIRI



The banner features the USM and APEX logos at the top left. The main title is "HARI GRADUASI PROGRAM PERSIJILAN ISLAM DAN PENYAMPAIAN SIJIL KULIYAH PENGAJIAN AL-QURAN (DEWASA)" in large orange text. Below it, "KALI KE-3" is written in a purple box. At the bottom left, event details are listed: TARIKH : 21 MAC (SELASA), TEMPAT : DEWAN BUDAYA, USM, MASA : 8.30 PAGI - 12.30 TENGAHARI. An orange bar at the bottom right contains the text "ANJURAN : PUSAT ISLAM, USM". On the right side, there is a portrait of Prof. Madya Dr. Sofri Yahya, Pengarah, Pusat Islam Universiti Sains Malaysia, with text indicating he is the speaker.

*Dirasmikan oleh :*  
**PROF. MADYA DR. SOFRI YAHYA**  
Pengarah,  
Pusat Islam Universiti Sains Malaysia

USM, PULAU PINANG, 21 Mac 2017 - Pendidikan Al-Quran menekankan aspek rohani dan jasmani sesuai dengan falsafah pendidikan Islam, dan ia merupakan usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah dalam membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membina diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di hari akhirat.

Demikian ujar Pengarah Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Sofri Yahya dalam ucapan perasmian Majlis Graduasi Pensijilan Pengajian Islam dan Ihtifal Kuliah Pengajian Al-Quran dan Tajwid (Dewasa) kali ke-3 anjuran Pusat Islam di sini hari ini.

"Fenomena ini merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan kerana terdapat warga kampus dan masyarakat yang mula mengambil berat tentang tarbiah Al-Quran dalam kehidupan seharian."



"Ilmu yang diperoleh adalah amanah Allah untuk mendidik diri, keluarga dan masyarakat untuk memiliki kekuatan jiwa yang mampu menahan diri dari terjerumus dalam perbuatan yang menyalahi syariat Islam. Kefahaman terhadap ajaran Islam penting bagi membebaskan umat Islam daripada pelbagai masalah termasuk isu-isu seperti kejahilan, kemunduran dan keganasan yang semakin menular," jelas Sofri.

Majlis ini menganugerahkan enam penganugerahan iaitu Sijil Graduan Pensijilan Pengajian Islam, Sijil Penyertaan Persijilan Pengajian Islam, Graduan Cemerlang Persijilan Pengajian Islam, Sijil Tauliah Mengajar Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang, Sijil Kuliah Pengajian Al-Quran dan Anugerah Pelajar Cemerlang dalam Setiap Kategori kepada para penerima yang telah tamat pengajian.





Yang turut hadir adalah Ketua Penolong Pengarah Kanan Pusat Islam USM, Ustazah Hajah Rohayati Daud; Ketua Unit Keilmuan dan Persuratan selaku pengarah bagi majlis ini, Ustaz Mohd Zamrus Mohd Ali; Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selaku penceramah "Rahsia Agung dalam Al-Quran" Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai utama USM.

Teks: Nur Shahidatul Shahira bt Zakaria (Pelajar Internship PP Komunikasi USM)

